



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) **menafikan** dakwaan 60% penjawat awam hadir ke pejabat pada hari pertama PKPB. JPA **menjelaskan** Kementerian/Jabatan melaporkan kehadiran hanya antara 15% hingga 35% sahaja dengan selebihnya diberi opsyen untuk Bekerja Dari Rumah selaras dengan saranan JPA mengenai Operasi Pejabat Kerajaan Semasa Tempoh PKPB yang dikeluarkan pada 2 Mei 2020.
2. Rapid KL **menafikan** berlaku kesesakan di stesen MRT Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 4 Mei 2020 iaitu hari pertama PKPB dikuatkuasakan seperti tular di media sosial. Rapid KL **menegaskan** bahawa keadaan adalah terkawal dan tiada sebarang kesesakan luar biasa berlaku.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
5 Mei 2020 | 7.00 Malam**

